

## **Menilai Keberkesanan Kursus Penyelidikan Tindakan Terhadap Pensyarah IPG dan Matrikulasi di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)**

*Evaluating Effectiveness of Action Research Course toward IPG Lecturer and Matriculation  
at the Institute of Malaysian Teacher Education*

**Rajagopal Ponnusamy**

*Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas Cheras, Kuala Lumpur  
e-mel: rajagopal@ipik.edu.my*

### **Abstrak**

*Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi pensyarah IPG dan Matrikulasi terhadap penyertaan mereka dalam kursus peningkatan profesionalisme berterusan (CPD) yang dianjurkan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Kajian ini telah meneroka sepuluh aspek yang berkaitan dengan CPD yang melibatkan 65 orang pensyarah (IPG: 32, Matrikulasi: 33). Pengkaji telah menggunakan satu inventori yang dihasilkan oleh Brown D.S. dan Papanastasiou, E.C. Nilai Alpha Croanbachs inventori ini ialah 0.95. Sepuluh konstruk yang dipilih untuk kajian ini diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan setiap konstruk itu mempunyai 10 item. Program The Statistical Program for Social Sciences (SPSS) 16 digunakan untuk menganalisis data kajian yang dikumpulkan melalui soal selidik. Hasil kajian mendapati persepsi pensyarah terhadap penyelidikan tindakan yang dihadiri adalah tinggi di mana IPG (3.72 sp 0.42) dan Matrikulasi (3.54 sp 0.38). Skor min yang diterima bagi setiap konstruk adalah seperti: persepsi (4.31 dan 4.31) sangat tinggi, kerelevanan (4.51 dan 4.34) sangat tinggi, faedah kursus (4.56 dan 4.37) sangat tinggi, bimbingan fasilitator (4.61 dan 4.39) sangat tinggi, kepentingan penyelidikan (4.73 dan 4.56) sangat tinggi, masalah yang dialami (3.38 dan 3.01) tinggi, tindakan selepas kursus (3.37 dan 3.09) tinggi, tahap tekanan (4.58 dan 4.40) tinggi, perubahan sikap (4.58 dan 4.40) tinggi, pemahaman sebelum kursus (3.80 dan 3.20) tinggi dan pemahaman selepas kursus (4.47 dan 4.27) sangat tinggi. Skor min yang tinggi menggambarkan kursus penyelidikan tindakan yang dijalankan oleh IPGM adalah sangat penting, relevan dan pengalaman yang diperolehi dapat membantu meningkatkan kompetensi mereka dalam profesionalisma sebagai pendidik. Ujian-t yang dijalankan mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan antara pensyarah IPG dan Matrikulasi terhadap kursus CPD yang dihadiri. Kajian ini amat penting untuk memberi maklumat kepada pihak IPGM sama ada kursus CPD seumpama itu harus diteruskan pada masa-masa akan datang atau sebaliknya. Diharapkan dapatan kajian akan menjadi pengukuran pihak IPGM dalam pelaksanaan kursus CPD kepada pensyarah IPG di Malaysia.*

**Kata kunci** persepsi, penyelidikan tindakan, kepentingan dan kerelevanan CPD

### **Abstract**

*The present research is to investigate the perception of the IPG and Matriculation lecturers regarding their engagement in action research course under the Continuing Profesional Development (CPD) program organised by Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). This paper reports the results of a survey of 65 lecturers from IPG (32) and Matriculation (33) about their perception of the 10 constructs involved in the study: The instrument used in this research was formulated by the researcher based on Brown D.S and Papanastasiou, E.C. The instrument has a high reliability level (0.95). The Statistical Program For Social Sciences (SPSS) 16 was used to analyse the data. Mean score and percentage were used to analyse the data obtained together with independent sample t-test. The findings revealed that the overall mean score for the 10 constructs were IPG (3.72 sd 0.42) and Matrikulasi (3.54 sd 0.38) were high. The mean score for each construct is as: perception towards the course (4.31 and 4.34) very high, relevance (4.51 and 4.34), gains from the course (4.56 and 4.37) very high, guidance from the facilitator (4.61 and 4.31) very high, importance (4.73 and 4.56) very high, constraints (3.38 and 3.01) high, action taken after the course (3.37 and 3.09) high, stress level (4.58 and 4.40) very high, change of attitude (4.58 and 4.38) very high, understanding of the action research concepts (4.47 and 4.27) very high. The independent sample t-test conducted revealed that there was not any significant*

*difference between both the groups regarding their perception of the action research course. The high mean score indicated that the action research to the both groups towards the CPD course were very useful, important and relevant and much helped them to develop their personal as well as their professional development.*

**Keywords** *perception, action research, importance and relevance of CPD*

## **PENGENALAN**

Dalam abad ke-21 yang lebih dikenali sebagai era globalisasi peranan pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG) menjadi semakin kompleks dan mencabar kerana terpaksa melakukan pelbagai tugas dan kerja dalam pelbagai bidang di samping menghadiri pelbagai kursus semasa mereka menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Pada masa yang sama adalah menjadi tanggungjawab setiap pensyarah untuk meningkatkan kompetensi sendiri dan kompetensi profesionalisma supaya dapat membawa perubahan dalam cara penyampaian dalam kalangan pelajar yang semakin menunjukkan pengetahuan dan kemahiran yang dapat mengatasi keupayaan para pendidik dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Menyedari itu, Kementerian Pelajaran telah mengambil pelbagai langkah untuk memastikan supaya golongan pendidik di negara ini memiliki tahap pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi supaya dapat menjalankan pengajaran dengan cekap dan sistematik. Bagi tujuan itu, para pensyarah di IPG dan Matrikulasi diberi peluang untuk menghadiri kursus-kursus yang dikendalikan oleh IPGM yang boleh meningkatkan kompetensi para pensyarah. Pengkaji berpendapat bukanlah mudah bagi pensyarah IPG dan Matrikulasi untuk mengikuti kursus-kursus anjuran IPGM. Majoriti daripada pensyarah yang berkhidmat di IPG dan Matrikulasi adalah pensyarah yang berumur lebih daripada 45 tahun dan sudah lama mereka telah tinggalkan alam pendidikan dan situasi itu sudah tentu menyukarkan mereka menumpukan perhatian dalam kursus yang dihadiri itu. Pelbagai masalah perlu dilalui untuk meneruskan tugas mereka di IPG dan ianya memerlukan pengurusan dan pengawalan pelbagai aspek dalam diri mereka. Dalam situasi inilah pengkaji ingin meninjau apakah persepsi dan pendapat para pensyarah IPG dan Matrikulasi terhadap program CPD yang memberi fokus kepada penyelidikan tindakan.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pada masa ini penyelidikan tindakan menjadi salah satu aspek yang banyak dibincang dalam kalangan pensyarah IPG dan Matrikulasi. Justeru itu, para pendidik khususnya pensyarah di IPG di seluruh Malaysia digalakkan untuk melibatkan diri dalam penyelidikan tindakan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan kualiti profesionalisma. Kini terdapat pelbagai isu dalam sistem pendidikan di negara kita yang sentiasa menjadi isu perbincangan masyarakat umum di negara kita. Antara isu yang semakin menjadi hangat ialah yang berkaitan dengan kualiti pengajaran guru dan tahap pencapaian pelajar dalam pembelajaran. Sudah menjadi satu trend baru di mana pencapaian pelajar kita dibandingkan dengan pelajar luar negara. Sebagai contoh, pencapaian dalam Program for *International Student Assessment* (PISA) dalam matematik dan sains digunakan sebagai satu ukuran perbandingan. Keadaan ini telah menyebabkan kerajaan Malaysia sedang mengambil pelbagai usaha untuk meningkatkan kualiti pencapaian akademik pelajar supaya pelajar kita boleh bersaing dengan pelajar-pelajar di luar negara. Justeru itu, pendekatan yang digunakan ialah meningkatkan kualiti pendidik melalui program profesionalisme berterusan (CPD) yang diharapkan boleh membawa perubahan dalam pencapaian akademik pelajar. Pengkaji berkeyakinan sekiranya kualiti pengajaran dalam bilik darjah dipertingkatkan maka adalah harapan besar tahap pencapaian dalam kalangan murid juga dapat dipertingkatkan. Dalam perkara ini, pengkaji berpendapat selagi pensyarah IPG tidak menguasai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang penyelidikan maka adalah sukar bagi mereka untuk mengajar guru pelatih yang sedang mengikuti kursus perguruan untuk meningkatkan kualiti pengajaran melalui penyelidikan. Diharapkan penglibatan pensyarah dalam bidang penyelidikan tindakan akan membolehkan mereka dapat meningkatkan komitmen, kompetensi, kemampuan, kebolehan, kepakaran dan dedikasi dalam tugas harian mereka. Justeru itu, program CPD sekurang-kurangnya dapat meningkatkan keupayaan pensyarah sebagai pendidik yang mampu membawa perubahan dalam sistem pendidikan negara. Para pensyarah IPG dan Matrikulasi

yang mengikuti kursus penyelidikan tindakan di bawah program CPD anjuran IPGM dipercayai akan menjadi realiti untuk meningkatkan profesionalisma pensyarah. Dalam program CPD itu, pengkaji telah menjadi salah seorang fasilitator kursus penyelidikan tindakan. Kursus itu diadakan dalam dua fasa dan pengkaji telah menjadi salah seorang fasilitator dan ketika telah banyak mendengar rungutan daripada peserta kursus yang terdiri daripada pensyarah IPG dan Matrikulasi. Justeru itu, situasi inilah yang mendorong pengkaji sebagai seorang fasilitator dalam program CPD ingin meninjau, mengenal pasti dan mengetahui apakah persepsi pensyarah terhadap kursus penyelidikan tindakan yang dihadapi oleh mereka.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini akan dijalankan berasaskan kepada objektif kajian yang dikenal pasti seperti berikut:

1. Mengetahui tahap persepsi pensyarah IPG dan Matrikulasi terhadap kursus penyelidikan tindakan yang dianjurkan oleh IPGM.
2. Meninjau kerelevanan kursus penyelidikan tindakan kepada pensyarah IPG dan Matrikulasi.
3. Meninjau faedah yang diperolehi oleh pensyarah IPG dan Matrikulasi dengan menghadiri kursus penyelidikan tindakan yang dianjurkan oleh IPGM.
4. Mengetahui bimbingan fasilitator IPGM kepada pensyarah IPG dan Matrikulasi semasa menyertai kursus penyelidikan tindakan anjuran IPGM.
5. Menilai kepentingan penyelidikan tindakan kepada pensyarah IPG dan Matrikulasi
6. Mengetahui masalah yang dihadapi oleh pensyarah IPG dan Matrikulasi semasa menjalankan penyelidikan tindakan.
7. Mengetahui tindakan pensyarah IPG dan Matrikulasi selepas menghadiri kursus penyelidikan tindakan.
8. Mengetahui tahap tekanan yang dialami oleh pensyarah IPG dan Matrikulasi semasa menjalankan penyelidikan tindakan.
9. Mengetahui perubahan sikap pensyarah IPG dan Matrikulasi selepas menghadiri kursus penyelidikan tindakan anjuran IPGM.
10. Meninjau pemahaman pensyarah terhadap penyelidikan tindakan sebelum dan selepas menghadiri kursus penyelidikan tindakan anjuran IPGM.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Berdasarkan objektif-objektif kajian yang telah dinyatakan di atas, kajian ini akan menjawab soalan-soalan berikut:

1. Apakah tahap persepsi pensyarah IPG dan Matrikulasi terhadap kursus penyelidikan tindakan yang dianjurkan oleh IPGM?
2. Adakah kursus penyelidikan tindakan yang dianjurkan oleh IPGM relevan kepada pensyarah IPG dan Matrikulasi?
3. Apakah faedah yang diperolehi oleh pensyarah IPG dan Matrikulasi dengan menghadiri kursus penyelidikan tindakan yang dianjurkan oleh IPGM?
4. Apakah tahap bimbingan fasilitator IPGM kepada pensyarah IPG dan Matrikulasi semasa menyertai kursus penyelidikan tindakan anjuran IPGM?
5. Adakah kursus penyelidikan tindakan itu penting kepada pensyarah IPG dan Matrikulasi?
6. Adakah pensyarah IPG dan Matrikulasi menghadapi masalah semasa menjalankan penyelidikan tindakan?
7. Apakah tindakan pensyarah IPG dan Matrikulasi selepas tamat kursus penyelidikan tindakan anjuran IPGM?
8. Adakah pensyarah IPG dan Matrikulasi mengalami tekanan semasa menjalankan penyelidikan tindakan?
9. Adakah berlaku perubahan sikap dalam kalangan pensyarah IPG dan Matrikulasi selepas menghadiri kursus penyelidikan tindakan?

10. Adakah terdapat perbezaan pemahaman pensyarah IPG dan Matrikulasi terhadap penyelidikan tindakan sebelum dan selepas menghadiri kursus penyelidikan tindakan?

## **BATASAN KAJIAN**

Kajian ini terbatas kepada 65 orang pensyarah IPG dan Matrikulasi yang menghadiri program CPD yang dianjurkan oleh IPGM kepada pensyarah IPG dan Matrikulasi sepanjang tahun 2014. Kajian ini hanya melibatkan pensyarah IPG dan Matrikulasi. Kajian ini hanya meninjau dan memberi fokus kepada elemen-elemen yang berkaitan dengan penyelidikan tindakan sahaja.

## **KERANGKA TEORITIKAL**

Pada masa ini terdapat pelbagai pendekatan digunakan untuk menerangkan penyelidikan tindakan. McNiff *et al.* (1988) mentafsirkan penyelidikan tindakan sebagai satu pendekatan untuk memperbaiki atau meningkatkan kualiti pendidikan melalui perubahan dengan menggalakkan para pendidik lebih sedar tentang amalan mereka sendiri, menjadi kritis terhadap amalan-amalan tersebut dan bersedia untuk mengubah amalan-amalan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Proses ini melibatkan sesiapa yang terlibat dalam penyelidikan untuk melakukan inkuiri serta melibatkan rakan-rakan lain secara koperatif dan kolaboratif. Amalan itu seterusnya dapat melahirkan golongan pendidik sebagai penyelidik yang kritikal yang kaya dengan idea baru serta sanggup menerima perubahan dan berupaya membuat penilaian terhadap kurikulum dan ko-kurikulum di sekolah. Manakala, Elliot J. (1981) berpendapat kajian tindakan merupakan satu rangka penilaian sendiri di sekolah dan ianya mengutamakan aktiviti refleksi dan inkuiri untuk melakukan penambahbaikan dalam amalan harian di bilik darjah. Kajian tindakan sebagai satu proses refleksi sendiri yang dilakukan secara sistematik ke atas amalan semasa di bilik darjah. Ferrance (2000) turut menyatakan bahawa penyelidikan tindakan merupakan satu proses reflektif yang memberi peluang kepada para pengkaji untuk mencari jalan atau menyelesaikan masalah dalam pengajaran dan pembelajaran. Manakala, Demircioglu (2008) berpendapat penyelidikan tindakan merupakan satu proses inkuiri yang berbentuk reflektif yang dijalankan dalam satu situasi sosial untuk memperbaiki amalan pengajaran dalam bilik darjah. Mills (2003) pula berpendapat penyelidikan tindakan adalah satu pendekatan sistematik yang dijalankan oleh guru di sekolah sebagai penyelidik untuk mengenal pasti dan mengatasi pelbagai masalah dalam suasana pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan guru, murid dan sekolah. Elliot (1996), Grundy (1994), McNiff, Lomax dan Whitehead (1996) mengutarakan bahawa penyelidikan tindakan dijalankan bagi tujuan memahami perkembangan kurikulum sekolah, penambahbaikan sekolah, perkembangan profesional guru, penyelidikan sekolah, perancangan sekolah, pengurusan sekolah, perkembangan staf dan akhirnya mengkaji suasana bekerja di sekolah. Namun begitu, kajian ini dijalankan untuk meninjau persepsi pensyarah IPG dan Matrikulasi terhadap kursus penyelidikan tindakan yang dihadiri oleh mereka di bawah program berterusan profesionalisme (CPD). Sebagai seorang pensyarah adalah penting agar setiap orang pensyarah IPG dan Matrikulasi melibatkan diri dalam penyelidikan untuk menyelesaikan pelbagai masalah dalam bilik kuliah. Langkah ini akan memartabatkan profesion keguruan ke arah melahirkan sistem pendidikan yang cemerlang, gemilang dan terbilang (Lewis dan Munn, 1997).

## **METODOLOGI**

### **Reka Bentuk Kajian dan Sampel**

Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik yang melibatkan pengumpulan data daripada 65 orang pensyarah IPG dan Matrikulasi yang telah menyertai program CPD di beberapa zon seperti di Sungai Petani, Pulau Pinang, Port Dickson, Johor Bahru, Kuala Terengganu dan Kuching. Daripada 65 orang pensyarah itu, 32 orang adalah dari IPG dan 33 orang dari Matrikulasi. Kesemua pensyarah yang hadir dalam program CPD anjuran IPGM itu datang dari seluruh Malaysia.

## Instrumen Kajian

Pengkaji telah menggunakan satu instrumen untuk mengkaji persepsi pensyarah IPG dan Matrikulasi terhadap penglibatan mereka dalam penyelidikan tindakan berdasarkan inventori yang dihasilkan oleh Brown D.S. (1991) dan Papanastasiou, E.C. (2005). Inventori ini mengandungi sepuluh konstruk iaitu: Bahagian A mengandungi aspek yang berkaitan dengan latar belakang sampel. Bahagian B mengandungi 10 item berkaitan dengan persepsi terhadap penyelidikan tindakan. Bahagian C mengandungi 10 item berkaitan kerelevanan penyelidikan tindakan. Bahagian D mengandungi 10 item berkaitan dengan faedah yang diperolehi dengan menghadiri kursus penyelidikan tindakan. Bahagian E mengandungi 10 item berkaitan bimbingan fasilitator kepada peserta kursus. Bahagian F mengandungi 10 item berkaitan kepentingan menghadiri kursus penyelidikan tindakan. Bahagian G mengandungi 10 item berkaitan dengan masalah yang dialami semasa kursus penyelidikan tindakan. Bahagian H mengandungi 10 item berkaitan dengan tindakan pensyarah selepas tamat kursus. Bahagian I mengandungi 10 item berkaitan dengan tekanan semasa kursus. Bahagian J mengandungi 10 item berkaitan perubahan sikap selepas tamat kursus. Bahagian K mengandungi 25 item berkaitan dengan fahaman terhadap istilah dan konsep penyelidikan tindakan sebelum dan selepas tamat kursus.

## Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Data yang dikumpulkan daripada 65 orang pensyarah IPG dan Matrikulasi telah dianalisis untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen kajian. Nilai kebolehpercayaan *Cronbach's alpha* yang diperolehi bagi kesemua konstruk ialah 0.98. Bagi setiap konstruk nilai *Cronbach's alpha* yang diperolehi ialah: persepsi terhadap penyelidikan tindakan (0.90), kerelevanan (0.95), faedah yang diperolehi (0.97), bimbingan fasilitator (0.99), kepentingan penyelidikan tindakan (0.96), masalah yang dialami (0.89), tindakan selepas kursus (0.98), tekanan yang dialami (0.97), perubahan sikap (0.97) dan pemahaman sebelum dan selepas kursus (0.98). Nilai *Cronbach's alpha* yang tinggi menggambarkan instrumen kajian ini mempunyai kesahan yang tinggi.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Secara keseluruhan hasil kajian ini mendapati pensyarah IPG dan Matrikulasi memperoleh skor min lebih daripada 4.0 dalam lapan konstruk yang dikaji iaitu persepsi terhadap penyelidikan tindakan (4.31 dan 4.34), kerelevanan penyelidikan tindakan (4.51 dan 4.34), komitmen terhadap kajian tindakan (4.03), kerelevanan penyelidikan tindakan kepada pensyarah (4.09), faedah yang diperolehi (4.56 dan 4.37), bimbingan fasilitator kepada pensyarah (4.61 dan 4.39), kepentingan penyelidikan tindakan (4.73 dan 4.56), tekanan kerja (4.58 dan 4.40) dan pemahaman terhadap konsep-konsep penyelidikan tindakan (4.47 dan 4.27). Seterusnya, dalam tiga konstruk lain skor min kurang daripada 4.0 diperolehi dalam aspek perubahan sikap guru selepas penyelidikan tindakan (3.38 dan 3.01), tindakan pensyarah selepas tamat kursus (3.37 dan 3.07) dan fahaman mengenai konsep penyelidikan sebelum kursus (3.80 dan 3.20). Bagi tujuan menjawab persoalan dalam kajian ini, dapatan kajian akan dihuraikan secara berasingan mengikut soalan kajian yang telah ditetapkan. Data dalam Jadual 1 (*Perbandingan Skor Min Konstruk-konstruk Persepsi Pensyarah*) digunakan untuk menyatakan tahap persepsi. Peratus dan frekuensi digunakan untuk menjawab soalan kajian. Akhirnya, ujian- *t* digunakan untuk memastikan sama ada terdapat perbezaan antara kedua-dua skor min pensyarah IPG dan Matrikulasi.

**Jadual 1** Perbandingan skor min konstruk-konstruk persepsi pensyarah IPG dan matrikulasi

Persepsi Pensyarah Terhadap Kursus Penyelidikan Tindakan	IPG(32)		MATRIKULASI(33)	
	Skor Min	SD	Skor Min	SD

Kesedaran terhadap penyelidikan tindakan	4.31	0.55	4.34	0.13
Kerelevanan penyelidikan tindakan	4.51	0.48	4.34	0.95
Faedah yang diperolehi	4.56	0.51	4.37	0.48
Bimbingan fasilitator	4.61	0.52	4.39	0.51
Kepentingan penyelidikan tindakan	4.73	0.42	4.56	0.50
Masalah yang dialami oleh guru	3.38	0.93	3.01	0.84
Tindakan pensyarah selepas kursus	3.37	0.97	3.09	0.85
Tekanan kerja yang dialami oleh guru	4.58	0.49	4.40	0.52
Perubahan sikap selepas penyelidikan tindakan	4.58	0.50	4.38	0.96
Pemahaman terhadap konsep penyelidikan sebelum kursus	3.80	0.70	3.20	0.60
Pemahaman terhadap konsep penyelidikan selepas kursus	4.47	0.54	4.27	0.50
<i>Jumlah</i>	<b>3.72</b>	<b>0.42</b>	<b>3.54</b>	<b>0.38</b>

*Tahap Persepsi PT: Rendah (1.0-1.99), Sederhana (2.0-2.99), Tinggi (3.00-3.99), Sangat Tinggi(4.0-5.0)*

### **Persoalan Kajian 1: Apakah Tahap Persepsi Pensyarah IPG dan Matrikulasi terhadap Kursus Penyelidikan Tindakan Anjuran IPGM?**

Hasil dapatan kajian bagi konstruk persepsi terhadap kursus penyelidikan tindakan oleh pensyarah IPG (*min 4.31, sp 0.55*) dan Matrikulasi (*min 4.34, sp 0.13*). Kedua-dua skor min ini berada pada tahap sangat tinggi (Jadual 1). Ini menjelaskan pensyarah IPG dan Matrikulasi mempunyai tahap persepsi yang sangat tinggi terhadap penyelidikan tindakan yang dianjurkan oleh IPGM. Seterusnya, perkiraan peratus digunakan untuk meninjau apakah persepsi pensyarah terhadap penyelidikan tindakan. Hasil dapatan kajian mendapati 100% (65) kesemua pensyarah IPG dan Matrikulasi itu berjaya menguasai pelbagai pengetahuan walaupun ianya memakan masa yang banyak, tetapi telah membantu menulis proposal, membina persoalan kajian dan membina instrumen kajian dengan baik. Mereka juga berjaya mengenal pasti masalah-masalah dalam pengajaran di bilik darjah dan telah membantu menjalankan penyelidikan di institut. Di samping itu, kesemua pensyarah menyatakan bahawa kursus penyelidikan yang dihadiri telah membantu untuk melaporkan hasil kajian dengan baik secara sistematik mengikut prosedur pelaporan hasil kajian.

**Jadual 2** Persepsi pensyarah IPG dan matrikulasi terhadap kursus penyelidikan tindakan

Persepsi Pensyarah Terhadap Kursus Penyelidikan Tindakan	Skor Min	SD	Peratus %	
			Bersetuju	Tidak Bersetuju
Menguasai pelbagai pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan penyelidikan tindakan.	4.0	0.65	100% (65)	-
Penyelidikan tindakan memakan masa yang banyak.	4.0	0.70	100% (65)	-
Saya dapat mempelajari bagaimana untuk menulis cadangan kajian.	4.4	0.50	100% (65)	-
Mempelajari bagaimana untuk membina persoalan kajian .	4.5	0.50	100% (65)	-
Mempelajari bagaimana untuk mencari sumber yang relevan dengan tajuk kajian dengan mudah.	4.4	0.60	100% (65)	-
Mempelajari bagaimana untuk membina peralatan kajian dengan bimbingan fasilitator.	4.2	0.50	100% (65)	-

Mempelajari bagaimana untuk menganalisis data kajian dengan bimbingan fasilitator.	4.2	0.60	100% (65)	-
Penyelidikan tindakan membolehkan saya untuk melaporkan hasil kajian secara sistematik dengan lengkap.	4.5	0.50	100% (65)	-
Membantu untuk mengenal pasti masalah-masalah dalam pengajaran di bilik darjah.	4.6	0.50	100% (65)	-
Membantu saya untuk menjalankan penyelidikan seterusnya di institut.	4.6	0.50	100% (65)	-

### Persoalan Kajian 2: Adakah Kursus Penyelidikan Tindakan Relevan kepada Pensyarah IPG dan Matrikulasi?

Hasil dapatan kajian bagi konstruk kerelevanan kursus penyelidikan tindakan kepada pensyarah IPG (*min 4.51, sp 0.48*) dan Matrikulasi (*4.51, sp 0.95*). Kedua-dua skor min ini berada pada tahap sangat tinggi (Jadual 1). Ini membuktikan bahawa pensyarah IPG dan Matrikulasi dalam kajian ini berpendapat penyelidikan tindakan sangat relevan kepada mereka. Seterusnya, perkiraan peratus dan frekuensi digunakan untuk meninjau sama ada penyelidikan tindakan relevan kepada pensyarah IPG dan Matrikulasi (Rujuk Jadual 3). Dalam bahagian ini, terdapat 10 konstruk digunakan untuk mengenal pasti kerelevanan kursus penyelidikan tindakan. Dapatan kajian mendapati kesemua 100% (65) orang pensyarah IPG dan Matrikulasi berpendapat penyelidikan tindakan telah membantu meningkatkan kecemerlangan akademik pelajar, meningkatkan kualiti pengajaran dan meningkatkan kompetensi diri dalam tugas seharian, membantu membina budaya penyelidikan dan akhirnya kesemua pensyarah 100% (65) berpendapat kursus penyelidikan tindakan yang dihadiri itu telah membantu meningkatkan kemahiran profesionalisma sebagai pensyarah. Kesemua pensyarah IPG dan Matrikulasi itu juga turut menyatakan kursus yang dihadiri itu telah meningkatkan minat mereka dalam penyelidikan.

**Jadual 3** Kerelevanan kursus penyelidikan tindakan kepada pensyarah IPG dan matrikulasi

Kerelevanan Kursus Penyelidikan Tindakan kepada Guru	Skor Min	SD	Peratus %	
			Bersetuju	Tidak Bersetuju
Kursus PT dapat menggalakkan untuk menjalankan penyelidikan berterusan di tempat bertugas saya.	4.1	0.5	100% (65)	-
Kursus PT dapat menggalakkan mengenal pasti masalah-masalah pengajaran di institut.	4.4	0.5	100% (65)	-
Kursus PT yang dijalankan dapat membantu mengenalpasti masalah-masalah pembelajaran dalam bilik kuliah.	4.4	0.5	100% (65)	-
Kursus PT yang dijalankan dapat membantu melahirkan pensyarah yang berminat dalam penyelidikan.	4.4	0.5	100% (65)	-
Kursus PT dapat membantu meningkatkan mutu perkhidmatan sebagai seorang penyelidik yang berkualiti.	4.5	0.5	100% (65)	-

Kursus PT yang dijalankan adalah seiring dengan seruan Kementerian Pendidikan untuk melahirkan pendidik yang berinovatif .	4.6	0.5	100% (65)	-
Kursus PT yang dijalankan boleh membawa perubahan dalam amalan-amalan harian dalam bilik darjah.	4.6	0.6	100% (65)	-
Kursus PT yang dijalankan boleh meningkatkan profesionalisme keguruan.	4.7	0.6	100% (65)	-
Kursus PT yang dijalankan boleh meningkatkan profesionalisme keguruan dalam kalangan pensyarah.	4.7	0.5	100% (65)	-
Kursus PT yang dijalankan dapat melahirkan rangkaian penyelidik yang berwibawa di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.	4.6	0.4	100% (65)	-

### Persoalan Kajian 3: Adakah Pensyarah IPG dan Matrikulasi Mendapat Faedah dengan Menghadiri Kursus Penyelidikan Tindakan?

Hasil dapatan kajian bagi konstruk faedah yang diperolehi dengan menghadiri kursus penyelidikan tindakan pensyarah IPG (*min 4.56, sp 0.51*) dan Matrikulasi (*4.39, sp 0.51*) kedua-dua skor min ini berada pada tahap sangat tinggi seperti yang diterangkan dalam Jadual 1. Ini membuktikan bahawa pensyarah IPG dan Matrikulasi memperoleh pelbagai faedah dengan menghadiri kursus penyelidikan tindakan yang dianjurkan oleh IPGM. Seterusnya, perkiraan peratus dan frekuensi digunakan untuk meninjau apakah faedah yang diperolehi oleh pensyarah IPG dan Matrikulasi dengan menghadiri kursus penyelidikan tindakan (*Jadual 4*). Dalam bahagian, ini terdapat 10 konstruk digunakan untuk mengenal pasti faedah yang diperolehi oleh kedua-dua kumpulan pensyarah itu. Dapatan kajian mendapati kesemua 100% (65) pensyarah IPG dan Matrikulasi menjadi komited dalam penyelidikan, meningkatkan kemahiran penyelidikan, membolehkan meningkat dan memartabatkan profesionalisme pensyarah, mencetuskan idea baharu untuk menghasilkan penyelidikan yang berkualiti. Seterusnya, kesemua 100% (65) orang pensyarah IPG dan Matrikulasi menyatakan mereka boleh mempengaruhi pihak atasan untuk menganjurkan seminar penyelidikan tindakan di institut masing-masing. Ini menjelaskan bahawa kursus penyelidikan tindakan yang dihadiri itu memberi faedah yang boleh membawa perubahan dalam diri mereka sebagai pensyarah.

**Jadual 4** Faedah yang diperolehi oleh pensyarah IPG dan matrikulasi dengan menghadiri kursus penyelidikan

Faedah yang diperolehi oleh Pensyarah dengan Menghadiri Kursus Penyelidikan Tindakan	Skor Min	SD	Peratus	
			Bersetuju	Tidak Bersetuju
PT membolehkan saya menjadi seorang pendidik yang komited dalam penyelidikan.	4.6	0.5	100% (65)	-
PT membolehkan saya meningkatkan kemahiran menghasilkan karya ilmiah yang berkualiti.	4.7	0.5	100% (65)	-
PT membolehkan saya meningkatkan profesionalisme keguruan.	4.5	0.5	100% (65)	-
PT membolehkan saya memartabatkan profesionalisme keguruan.	4.5	0.5	100% (65)	-
PT telah mencetuskan idea baru untuk meningkatkan kompetensi dalam penyelidikan.	4.5	0.5	100% (65)	-



PT boleh memberi peluang untuk menghasilkan penyelidikan yang berkualiti.	4.4	0.5	100% (65)	-
PT boleh meningkatkan penggunaan bahasa dengan cekap.	4.5	0.5	100% (65)	-
PT boleh mempengaruhi rakan-rakan lain untuk turut melibatkan diri dalam penyelidikan.	4.3	0.5	100% (65)	-
PT boleh meningkatkan imej institut.	4.5	0.5	100% (65)	-
PT membolehkan saya menganjurkan seminar penyelidikan tindakan di peringkat kebangsaan	4.2	0.5	100% (65)	-

#### **Persoalan Kajian 4: Apakah Tahap Bimbingan yang Diberikan oleh Fasilitator IPGM kepada Pensyarah IPG dan Matrikulasi dalam Kursus Penyelidikan Tindakan?**

Hasil dapatan kajian bagi konstruk tahap bimbingan yang diberikan oleh fasilitator IPGM kepada pensyarah IPG (*min 4.61, sp 0.52*) dan Matrikulasi (*4.39, sp 0.51*). Kedua-dua skor min ini berada pada tahap sangat tinggi seperti yang diterangkan dalam Jadual 1. Ini membuktikan bahawa pensyarah IPG dan Matrikulasi dalam kajian ini berpendapat fasilitator IPGM telah memberi bimbingan yang mencukupi. Perkiraan peratus dan frekuensi digunakan untuk meninjau sama ada fasilitator IPGM telah memberikan bimbingan kepada pensyarah IPG dan Matrikulasi dalam kursus penyelidikan tindakan. Dalam bahagian ini terdapat 10 konstruk digunakan untuk mengenal pasti sama ada fasilitator IPGM memberi bimbingan yang sewajarnya. Dapatan kajian mendapati 100% (65) pensyarah IPG dan Matrikulasi berpendapat mereka telah diberikan bimbingan yang mencukupi semasa kursus yang dihadiri dan fasilitator telah membantu dan membimbing menyiapkan penyelidikan tindakan. Kesemua pensyarah itu menyatakan mereka telah diberi bimbingan yang mendalam untuk menyiapkan masalah kajian, mengenal pasti objektif kajian dan menunjukkan cara yang betul dalam pengumpulan data dan penganalisan data. Akhirnya, kesemua pensyarah itu menyatakan motivasi yang diberikan kepada mereka semasa kursus sangat bermakna untuk menguasai pengetahuan dan kemahiran dalam penyelidikan tindakan. Sila rujuk Jadual 5 di bawah yang menerangkan mengenai bimbingan yang diberikan oleh fasilitator IPG kepada pensyarah IPG dan Matrikulasi dalam kursus penyelidikan tindakan.

**Jadual 5** Tahap bimbingan fasilitator kepada pensyarah IPG dan matrikulasi semasa kursus penyelidikan tindakan

Tahap Bimbingan Fasilitator Kepada Pensyarah IPG dan Matrikulasi Semasa Kursus Penyelidikan Tindakan	Skor Min	SD	Peratus	
			Bersetuju	Tidak Bersetuju
Membantu saya dalam menyiapkan penyelidikan tindakan.	4.5	0.5	100% (6)	-
Membimbing saya dalam menyiapkan penyelidikan tindakan.	4.5	0.5	100% (6)	-
Membimbing saya untuk menulis cadangan kajian.	4.5	0.5	100% (6)	-
Membimbing untuk mengenalpasti masalah kajian.	4.5	0.5	100% (6)	-

Membimbing untuk mengenalpasti objektif kajian.	4.5	0.5	100% (6)	-
Membimbing untuk membetulkan kesalahan yang dilakukan semasa menyiapkan penyelidikan tindakan.	4.4	0.5	100% (6)	-
Membimbing untuk menggunakan kaedah penganalisan data yang sesuai.	4,5	0.5	100% (6)	-
Memberi input ke atas hasil penulisan saya.	4.5	0.5	100% (6)	-
Memberi motivasi kepada saya untuk menyiapkan penyelidikan tindakan.	4.6	0.5	100% (6)	-
Menjadi sumber inspirasi kepada saya untuk menyiapkan penyelidikan tindakan	4.5	0.5	100%(6)	-

### Persoalan Kajian 5: Adakah Kursus Penyelidikan Tindakan yang Dianjurkan oleh IPGM Penting kepada Pensyarah IPG dan Matrikulasi?

Hasil dapatan kajian bagi konstruk kepentingan kursus penyelidikan tindakan kepada pensyarah IPG (*min 4.73, sp 0.42*) dan Matrikulasi (*min 4.56, sp 0.50*). Kedua-dua skor min ini berada pada tahap sangat tinggi seperti yang diterangkan dalam Jadual 1. Ini membuktikan bahawa pensyarah IPG dan Matrikulasi dalam kajian ini berpendapat kursus penyelidikan tindakan yang dianjurkan oleh IPGM penting kepada mereka. Perkiraan peratus dan frekuensi digunakan untuk meninjau sama ada kursus penyelidikan tindakan yang dianjurkan oleh IPGM penting kepada pensyarah. Dalam bahagian ini terdapat 10 konstruk digunakan untuk mengenal pasti sama ada kursus penyelidikan tindakan itu penting kepada pensyarah. Dapatan kajian mendapati 100% (65) pensyarah IPG dan Matrikulasi berpendapat kursus penyelidikan tindakan yang dihadiri sangat penting kepada mereka kerana telah membantu meningkatkan minat dalam penyelidikan di dalam diri mereka, meningkatkan kemahiran saintifik, meningkatkan kompetensi dalam tugas harian mereka di institut dan akhirnya dapat membantu mempengaruhi rakan-rakan lain melibatkan diri dalam penyelidikan tindakan. Jadual 6 di bawah menerangkan kepentingan kursus penyelidikan kepada pensyarah IPG dan Matrikulasi.

**Jadual 6** Kepentingan kursus penyelidikan tindakan kepada pensyarah IPG dan matrikulasi

Kepentingan Kursus Penyelidikan Tindakan kepada Pensyarah IPG dan Matrikulasi	Skor Min	SD	Peratus	
			Bersetuju	Tidak Bersetuju
Kursus penyelidikan tindakan yang telah membantu melahirkan minat dalam penyelidikan.	4.7	0.4	100% (6)	-
Kursus penyelidikan tindakan telah membantu meningkatkan kemahiran saintifik.	4.6	0.4	100% (6)	-
Kursus penyelidikan tindakan telah membantu meningkatkan kemahiran profesionalisma dalam diri pensyarah.	4.7	0.5	100% (6)	-
Kursus penyelidikan tindakan telah membantu mengenal pasti masalah-masalah dalam pembelajaran.	4.6	0.5	100% (6)	-
Kursus penyelidikan tindakan penting untuk	4.6	0.5	100% (6)	-

mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif .

Kursus penyelidikan tindakan penting untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.	4.8	0.5	100% (6)	-
Kursus penyelidikan tindakan penting untuk meningkatkan kecermerlangan akademik pelajar di IPG.	4.7	0.5	100% (6)	-
Kursus penyelidikan tindakan untuk meningkatkan kompetensi diri dalam tugas seharian.	4.7	0.5	100% (6)	-
Kursus penyelidikan tindakan penting kepada saya melahirkan institusi yang cemerlang.	4.6	0.5	100% (6)	-
Kursus penyelidikan tindakan dapat mempengaruhi rakan saya di institut saya untuk melibatkan diri dalam penyelidikan.	4.4	0.5	100% (6)	-

### Persoalan Kajian 6: Adakah Pensyarah IPG dan Matrikulasi Menghadapi Masalah Semasa Menghadiri Kursus Penyelidikan Tindakan Anjuran IPGM?

Hasil dapatan kajian bagi konstruk masalah yang dihadapi semasa menghadiri penyelidikan tindakan oleh pensyarah: IPG (min 3.38, sp 0.93) dan Matrikulasi (3.01, sp 0.84). Kedua-dua skor min ini berada pada tahap tinggi seperti yang diterangkan dalam Jadual 1. Ini membuktikan bahawa pensyarah IPG dan Matrikulasi dalam kajian ini berpendapat mereka telah mengalami masalah semasa menghadiri kursus penyelidikan tindakan yang dianjurkan oleh IPGM. Namun begitu, skor min bagi konstruk ini bagi pensyarah IPG adalah lebih tinggi berbanding dengan pensyarah Matrikulasi. Perkiraan peratus dan frekuensi digunakan untuk meninjau sama ada kursus penyelidikan tindakan yang dianjurkan oleh IPGM menimbulkan masalah kepada pensyarah. Dapatan kajian mendapati 100% (65) orang pensyarah secara keseluruhan menyatakan masalah utama ialah ketiadaan pengetahuan mengenai penyelidikan tindakan merupakan masalah utama. Seterusnya, 94.2% (58) sukar untuk menyiapkan penyelidikan semasa di institut saya kerana banyak tugas perlu diselesaikan. Hampir 60% (40) orang pensyarah menyatakan tempat bertugas yang jauh menyukarkan untuk berjumpa dengan fasilitator dan membuat rujukan. Di samping itu, hanya 13.8% (9) pensyarah yang berpendapat mereka berpeluang untuk berinteraksi dengan rakan lain kerana masing-masing semuanya sibuk dengan tugasnya sendiri.

**Jadual 7** Masalah yang dihadapi oleh pensyarah IPG dan matrikulasi semasa menjalankan penyelidikan

Jenis Masalah yang Dialami oleh Guru PGSR Semasa Penyelidikan Tindakan	Skor Min	SD	Peratus	
			Bersetuju	Tidak Bersetuju
Masa tidak mencukupi dengan ahli keluarga.	3.1	1.4	51.5% (40)	48.5% (25)
Menyukarkan untuk menghabiskan masa dengan keluarga.	2.8	0.6	51.5% (40)	48.5% (25)
Menyukarkan untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan.	3.1	0.7	40.4% (49)	24.6% (16)
Beban kerja di institut turut menghalang diri daripada menumpukan perhatian dalam penyelidikan.	3.4	0.9	40.4% (49)	24.6% (16)

Kedudukan institut yang jauh dari tempat bertugas saya menyukarkan untuk menghubungi fasilitator .	3.0	0.9	63.1% (41)	36.9% (24)
Kedudukan rumah yang jauh dari IPG menyukarkan untuk melakukan rujukan di perpustakaan.	2.9	0.9	64.6% (42)	35.4% (23)
Kurang berpeluang untuk berinteraksi dengan rakan kursus lain kerana masing-masing semua sibuk.	3.3	0.9	13.8% (9)	86.2% (56)
Menyukarkan untuk menghgubungi fasilitator selepas waktu pejabat.	3.2	0.8	13.8% (9)	86.2% (56)
Kurang pengetahuan mengenai penyelidikan menyukarkan untuk menghasilkan kajian yang berkualiti.	3.9	0.6	100% (65)	-
Sukar untuk menyiapkan penyelidikan semasa di institut kerana banyak tugas perlu diselesaikan.	3.3	0.8	94.2% (58)	10.8% (7)

### Persoalan Kajian 7: Apakah Tindakan Pensyarah IPG dan Matrikulasi Selepas Tamat Kursus Penyelidikan Tindakan Ajuran IPGM?

Hasil dapatan kajian bagi konstruk apakah tindakan pensyarah selepas menghadiri penyelidikan tindakan oleh pensyarah: IPG (*min 3.37, sp 0.97*) dan Matrikulasi (*3.09, sp 0.85*). Kedua-dua skor min ini berada pada tahap tinggi seperti yang diterangkan dalam *Jadual 1*. Ini membuktikan bahawa pensyarah IPG dan Matrikulasi dalam kajian ini berpendapat mereka akan melakukan sesuatu selepas tamat kursus penyelidikan di institut masing-masing. Perkiraan peratus dan frekuensi digunakan untuk meninjau apakah tindakan yang akan dilakukan oleh pensyarah IPG dan Matrikulasi selepas tamat kursus yang dianjurkan oleh IPGM. Dapatan kajian mendapati 100% (65) orang pensyarah secara keseluruhan menyatakan mereka akan melibatkan diri dalam penyelidikan tindakan dan berkongsi kepakaran yang diperolehi dengan rakan-rakan lain di institut untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam penyelidikan. Seterusnya, kesemua pensyarah 100% (65) IPG dan Matrikulasi menyatakan mereka akan mengamalkan budaya penyelidikan dalam tugas harian mereka. Mereka juga turut menyatakan akan menubuhkan satu jawatankuasa penyelidikan untuk menjalankan seminar penyelidikan yang akan memberi peluang kepada pensyarah lain untuk membenteng hasil kajian mereka. Di samping itu, kesemua pensyarah itu menyatakan mereka akan memberi motivasi kepada rakan-rakan lain dan pelajar lain di institut mereka untuk melibatkan diri dalam penyelidikan. Namun begitu, skor min bagi konstruk ini bagi pensyarah IPG adalah lebih tinggi berbanding dengan pensyarah Matrikulasi. Ini jelas membuktikan bahawa kursus penyelidikan yang dihadiri oleh mereka telah mempengaruhi diri mereka dalam penyelidikan tindakan.

**Jadual 8** Tindakan pensyarah IPG dan matrikulasi selepas tamat kursus

Tindakan Pensyarah IPG dan Matrikulasi Selepas Tamat Kursus	Skor Min	SD	Peratus	
			Bersetuju	Tidak Bersetuju
Saya akan melibatkan diri dalam penyelidikan pada masa akan datang untuk meningkatkan kualiti pengajaran dalam bilik darjah.	3.0	0.4	100% (65)	-
Saya akan melibatkan diri dalam penyelidikan pada masa akan datang untuk mengenal pasti masalah dalam pengajaran.	2.7	0.6	100% (65)	-

Saya akan melibatkan diri dalam penyelidikan pada masa akan datang untuk berkongsi kepakaran dengan rakan-rakan lain di tempat bertugas saya.	3.1	0.7	100% (65)	-
Saya akan melibatkan diri dalam penyelidikan pada masa akan datang untuk meningkatkan motivasi dalam kalangan pensyarah lain di tempat bertugas saya.	3.4	0.9	100% (65)	-
Saya akan melibatkan diri dalam penyelidikan pada masa akan datang untuk membantu para pelajar meningkatkan motivasi dalam pembelajaran.	3.0	0.9	100% (65)	-
Saya akan melibatkan diri dalam penyelidikan pada masa akan datang untuk membantu para pelajar melibatkan diri dalam penyelidikan.	2.9	0.9	100% (65)	-
Saya akan cuba untuk menyebarkan budaya penyelidikan dalam kalangan rakan-rakan saya di tempat bertugas saya.	3.6	0.9	100% (65)	-
Saya akan cuba berbincang dengan pihak yang berkenaan untuk menubuhkan jawatankuasa penyelidikan di tempat bertugas saya.	3.6	0.9	100% (65)	-
Saya akan cuba menganjurkan seminar penyelidikan di peringkat institusi dengan kerjasama pelbagai pihak.	3.8	0.6	100% (65)	-
Saya akan cuba menggalakkan rakan-rakan saya di tempat bertugas untuk menjalankan penyelidikan tindakan.	3.4	0.8	100% (65)	-

---

### **Persoalan Kajian 8: Adakah Pensyarah IPG dan Matrikulasi Mengalami Tekanan Semasa Menghadiri Kursus Penyelidikan Tindakan?**

Untuk menjawab persoalan kajian ini, pengkaji hanya menggunakan skor min untuk menerangkan tahap tekanan. Hasil dapatan kajian bagi konstruk tekanan semasa menghadiri kursus penyelidikan mendapati skor min yang diperolehi pensyarah IPG ialah (4.58 sp 0.49) manakala skor min pensyarah Matrikulasi ialah (4.4 sp 0.52). Skor min kedua-dua kumpulan pensyarah itu berada pada tahap sangat tinggi. Perbandingan skor min kedua-dua kumpulan itu mendapati, pensyarah IPG yang banyak mengalami tekanan yang tinggi berbanding dengan pensyarah Matrikulasi. Mengikut kajian yang dijalankan sebelum ini, terdapat buktinya bahawa majoriti pendidik mengalami tekanan kerja yang tinggi yang disebabkan oleh pelbagai masalah seperti masalah disiplin pelajar, tekanan untuk meningkatkan kecemerlangan dalam peperiksaan, terlalu banyak kerja-kerja perkeranian, tekanan daripada pihak pentadbiran yang mengharapkan komitmen yang tinggi daripada pendidik. Kecerdasan emosi mempunyai hubungan positif dengan tekanan kerja.

### **Persoalan Kajian 9: Apakah Tahap Perubahan Sikap Pensyarah IPG dan Matrikulasi Selepas Tamat Kursus**

Untuk menjawab persoalan kajian ini, pengkaji menggunakan skor min dan frekuensi untuk menerangkan tahap perubahan sikap selepas tamat kursus penyelidikan tindakan. Hasil dapatan kajian bagi konstruk perubahan sikap pensyarah IPG ialah dengan skor min (4.58 sp 0.5) dan skor min pensyarah Matrikulasi ialah 4.38 (sp 0.46). Kedua-dua skor min ini berada pada tahap sangat tinggi

seperti yang diterangkan dalam Jadual 1. Ini membuktikan bahawa pensyarah IPG dan Matrikulasi menunjukkan perubahan sikap yang sangat tinggi selepas tamat kursus. Perkiraan peratus dan frekuensi (Jadual 9) mendapati 100% (65) pensyarah IPG dan Matrikulasi bercadang untuk menjalankan penyelidikan tindakan di organisasi dengan menubuhkan satu jawatankuasa penyelidikan, dan berpendapat semua pensyarah perlu menguasai kemahiran untuk menganalisis data. Akhirnya, semua pensyarah 100% (65) itu menyatakan betapa pentingnya menguasai kemahiran penyelidikan kuantitatif dan kualitatif. Seterusnya, kesemua pensyarah itu menyatakan mereka akan menggalakkan semua rakan mereka untuk melibatkan diri dalam penyelidikan dan setiap pensyarah perlu melibatkan diri dalam penyelidikan tindakan.

**Jadual 9** Perubahan sikap pensyarah IPG dan matrikulasi

Perubahan Sikap Pensyarah IPG dan Matrikulasi Selepas Tamat Kursus	Skor Min	SD	Peratus	
			Bersetuju	Tidak Bersetuju
Saya akan berkongsi bagaimana untuk menjalankan penyelidikan tindakan di organisasi saya.	4.6	0.5	100% (65)	-
Saya akan mencadangkan dalam mesyuarat untuk memberi keutamaan setiap pensyarah melibatkan diri dalam penulisan.	4.5	0.5	100% (65)	-
Saya telah mencadangkan dalam mesyuarat untuk memberi keutamaan setiap guru sekolah melibatkan diri dalam penyelidikan tindakan.	4.4	0.5	100% (65)	-
Saya telah berusaha untuk mempelajari pelbagai teknik menganalisis data supaya saya boleh mempertingkatkan kemahiran untuk menganalisis data.	4.4	0.5	100% (65)	-
Saya telah berusaha untuk mempelajari pelbagai teknik menganalisis data supaya saya boleh mempertingkatkan kemahiran untuk menganalisis data.	4.4	0.5	100% (65)	-
Saya berpendapat setiap pensyarah perlu didedahkan kepada penyelidikan tindakan untuk mengatasi pelbagai masalah dalam bilik darjah.	4.5	0.5	100% (65)	-
Saya akan mencadangkan agar setiap institut menubuhkan Jawatankuasa penyelidikan tindakan untuk melibatkan semua pensyarah dalam penyelidikan tindakan.	4.5	0.5	100% (65)	-
Saya akan mengenal pasti pelbagai masalah pembelajaran di institut saya untuk diselesaikan melalui penyelidikan tindakan.	4.5	0.5	100% (65)	-
Saya berpendapat setiap pensyarah perlu menguasai kemahiran untuk menganalisis data.	4.6	0.5	100% (65)	-
Saya berpendapat setiap pensyarah perlu didedahkan kepada kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif.	4.5	0.5	100% (65)	-

### Persoalan Kajian 10: Adakah Kursus Penyelidikan Tindakan Yang Dihadiri Oleh Pensyarah IPG dan Matrikulasi Telah Meningkatkan Tahap Pemahaman Terhadap Konsep-Konsep Dalam Penyelidikan Tindakan?

Untuk menjawab persoalan kajian ini, pengkaji menggunakan skor min untuk menerangkan tahap pemahaman terhadap konsep-konsep dalam penyelidikan tindakan selepas menghadiri kursus penyelidikan tindakan. Hasil dapatan kajian mendapati sebelum kursus skor min IPG (3.80) dan Matrikulasi (3.20) manakala selepas menghadiri kursus skor min IPG telah meningkat di mana IPG (4.47) dan Matrikulasi (4.27). Ini jelas menunjukkan bahawa pensyarah IPG telah menunjukkan peningkatan dari skor min 3.80 ke 4.47 manakala skor pensyarah Matrikulasi meningkat ke 4.27 dari 3.20. Ini membuktikan kursus penyelidikan tindakan yang dianjurkan oleh IPGM telah membantu pensyarah IPG dan Matrikulasi untuk memahami beberapa konsep yang sangat penting dalam penyelidikan tindakan.

**Jadual 10** Perubahan pemahaman konsep-konsep sebelum dan selepas menghadiri kursus PT

Bil	Konsep Dalam Penyelidikan Tindakan	Perubahan Pemahaman Sebelum dan Selepas Kursus			
		Sebelum (Skor Min)		Selepas (Skor Min)	
		IPG	Matrikulasi	IPG	Matrikulasi
1	Penyelidikan Konvensional	3.7	3.5	4.4	4.2
2	Penyelidikan Kuantitatif	3.5	3.5	4.3	4.1
3	Penyelidikan Kualitatif	3.6	3.6	4.4	4.3
4	Konsep Penyelidikan Tindakan	3.5	3.3	4.5	4.2
5	Konsep Refleksi	3.4	3.4	4.6	4.4
6	Refleksi Pembelajaran dan Pengajaran	3.5	3.2	4.6	4.4
7	Latar belakang Kajian	3.5	3.1	4.6	4.4
8	Metodologi Kajian	3.3	3.2	4.6	4.3
9	Kaedah Persampelan	3.6	3.2	4.5	4.4
10	Subjek Kajian	3.4	3.2	4.6	4.4
11	Objektif Umum	3.6	3.3	4.5	4.3
12	Objektif Khusus	3.4	3.2	4.6	4.3
13	Persoalan Kajian Pernyataan Masalah	3.4	3.2	4.6	4.3
14	Mengutip Data Kuantitatif	3.3	3.1	4.5	4.2
15	Mengutip Data Kualitatif	3.4	3.1	4.5	4.2
16	Menganalisis Data Kuantitatif	3.1	3.0	4.5	4.0
17	Menganalisis Data Kualitatif	3.1	3.0	4.2	4.2
18	Konsep Triangulasi	3.1	3.0	4.4	4.3
19	Menginterpretasi Data	3.4	3.0	4.3	4.2
20	Membuat Rumusan Dapatan	3.4	3.2	4.6	4.4
21	Membuat Laporan	3.4	3.2	4.6	4.4
22	Membina Proposal	3.6	3.2	4.6	4.3
23	Menyebarkan Dapatan Kajian	3.5	3.3	4.5	4.3
24	Menghadiri Seminar/Kolokium	3.3	3.2	4.5	4.2
25	Penulisan Jurnal	3.3	3.0	4.3	4.1
<b>Jumlah skor min</b>		<b>3.80</b>	<b>3.20</b>	<b>4.47</b>	<b>4.27</b>
<b>Perbezaan skor min</b>		<b>0.6</b>		<b>0.2</b>	

### Analisis Ujian -t

Dalam kajian ini secara keseluruhan skor min pensyarah IPG ialah 3.72 (sp 0.42) dan pensyarah Matrikulasi ialah 3.54 (sp 0.32). Dengan menggunakan nilai alpha .05, *independent samples t-test* dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan signifikan antara kedua-dua kumpulan itu terhadap persepsi keseluruhan kursus penyelidikan tindakan itu. Analisis data ujian-t mendapati tidak ada perbezaan signifikan antara kedua kumpulan itu, di mana  $t(1.800)=3.35$ ,  $p>0.05$ ,  $d=0.32$ . Nilai kebolehpercayaan 95% bagi kursus terletak antara -0.01 ke 0.38. Pengujian antara skor min kedua-dua kumpulan pensyarah ialah, IPG (M=3.72, SP=0.42) dan Matrikulasi (M=3.54, SP=0.38) mendapati tidak ada perbezaan signifikan antara kedua kumpulan pensyarah itu. Ini membuktikan secara

keseluruhan, persepsi kedua-dua kumpulan pensyarah itu terhadap kursus penyelidikan tindakan itu adalah sama. Rujuk Jadual 11 di bawah untuk analisis ujian-t yang dijalankan.

**Jadual 11** Sampel bebas Ujian-t

		t-ujian untuk Kesaksamaan daripada Bermakna								
		Ujian Leven kerana persamaan varians		95% Dari Aras Keyakinan						
		F	Sig.	T	df	Sig. (2-tailed)	Perbezaan Min	Perbezaan Standard Kesilapan	Terendah	Tertinggi
MARKAH	Kesaksamaan varian diandaikan	3.35	.073	1.800	63	.077	.18106	.10060	-.01998	.3821
	Sama varian tidak diandaikan			1.797	61	.077	.18106	.10077	-.02040	.38252
					96					

## RUMUSAN DAN CADANGAN

### Perbincangan

Kajian ini yang dijalankan untuk meneroka persepsi pensyarah IPG dan Matrikulasi terhadap penglibatan mereka dalam kursus penyelidikan tindakan yang dianjurkan oleh IPGM. Hasil dapatan kajian mendapati skor min secara keseluruhan pensyarah IPG (*min 3.72, sp 0.42*) dan Matrikulasi (*min 3.54, sp 0.38*) menunjukkan persepsi yang tinggi terhadap kursus penyelidikan tindakan yang dianjurkan oleh IPGM. Kedua-dua kumpulan pensyarah IPG dan Matrikulasi menyatakan kursus itu sangat relevan, penting dan dapat membawa perubahan dalam diri sebagai pensyarah yang boleh meningkatkan kualiti pengajaran dalam kursus yang diajar. Seterusnya, mereka juga menyatakan telah memperolehi pelbagai faedah yang membantu meningkatkan fahaman terhadap penyelidikan tindakan. Di samping itu, mereka juga menyatakan kursus penyelidikan tindakan yang dihadiri dapat meningkatkan motivasi sendiri untuk melibatkan diri dalam penyelidikan dengan bimbingan yang diberikan oleh fasilitator IPGM yang mengendalikan kursus itu kerana pengetahuan yang diperolehi daripada kursus itu sesuai dengan tugas harian di institut. Dapatan kajian ini turut menyokong kajian Casanova (1989), Hovada dan Kyle (1984), McCutcheon (1987), Brown (1990) dan Salaway (1990). Hasil kajian juga mendapati walaupun mereka berhadapan dengan pelbagai masalah dan mengalami tekanan yang tinggi namun mampu mempamerkan perubahan sikap yang tinggi selepas tamat kursus. Dari segi bimbingan fasilitator kepada pensyarah IPG dan Matrikulasi mendapati tahap bimbingan yang diberikan adalah tinggi dan pensyarah di IPG menjadi sumber inspirasi kepada mereka semasa mengikuti kursus penyelidikan tindakan yang dianjurkan oleh IPGM.

### Cadangan

Dicadangkan agar IPGM mengamalkan dasar terbuka dalam pemilihan peserta kursus di mana pensyarah novis yang kurang pengetahuan dan kemahiran dalam penyelidikan tindakan diberi peluang mengikuti kursus penyelidikan tindakan. Dicadangkan agar pensyarah berijazah kedoktoran dikecualikan daripada menghadiri kursus penyelidikan tindakan. Dicadangkan juga agar ketua jabatan di IPG memberi peluang kepada pensyarah biasa untuk menyertai kursus itu yang boleh memberi manfaat kepada diri pensyarah. Dicadangkan juga supaya tempoh kursus itu dipanjangkan kepada lima hari kerana kursus penyelidikan sekarang yang dikendalikan oleh IPGM tidak mencukupi masa untuk peserta kursus memahami secara sepenuhnya mengenai penyelidikan tindakan. Didapati kursus penyelidikan tindakan yang diadakan dalam dua fasa diubah kepada tiga fasa supaya pensyarah IPGM dan Matrikulasi berpeluang untuk membentangkan penyelidikan tindakan yang dijalankan oleh mereka di institut masing-masing. Pihak pengurusan IPG dan Matrikulasi harus memberi sokongan



dan dorongan kepada setiap pensyarah untuk menjalankan penyelidikan tindakan dengan seruan ‘*satu pensyarah satu penyelidikan*’. Langkah ini diharapkan boleh melahirkan budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

## RUJUKAN

- Brown, D.S. (1991). Middle level teacher's perception of action research. *Middle School Journal*, 22(3). 30-32.
- Casanova, V. (1989). Research and practice-we can integrate them. *N.E.A. Today*, 7(6). 44-49.
- Demircioglu, Ismail H. (2008). Learning how to conduct educational research in teacher education: A Turkish perspective. *Australian Journal of Teacher Education*: Vol. 33: Iss. 1, Article 1.
- Elliot, J. (1996). *Action research for educational change*. Milton Keynes: Open University Press.
- Ferrance, E. (2000). *Action Research*. LAB at Brown University.
- Grundy, S. (1994). Action research at the school level possibilities and problems. *Educational Action Research*, 2(1). 23-27.
- Havoda, R.A., and D.W. Kyle. (1984). Action research: A professional development possibility. *Middle School Journal*, 15(3), 21-23.
- Lewis, I. and Munn P. (1997). *So you want to do research*. Edinburgh: The Scottish Council for Research in Education.
- McCutcheon, G. (1987). Teacher's experience doing action research. *Peabody Journal of Education*, 64(2). 116-127.
- McNiff, J., Lomax, P. and Whitehead, J. (1996). *You and your action research project*. London: Routledge.
- Mills, G.E. (2003). *Action research: A guide for the teacher researcher*. New Jersey: Merrill Prentice Hall.
- Papanastasiou, E.C. (2005). Factor structure of the "Attitudes Toward Research" Scale. *Statistics Education Research Journal*, 4(1), 16-26.
- Salaway, L. (1990). Tap into teacher research. *Instructor* 34-38.